

Ruj. Kami : USMJPBPSM (aspiran) 9/10 JLD.IV

Tarikh : 14 November 2024

Kepada : Staf Universiti Sains Malaysia  
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan

Jabatan  
Pendaftar

Registry  
Department

## Memorandum

Bangunan Canselor  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

### **HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 71 TAHUN 2024 - IKLAN JAWATAN OMBUDSMAN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia ingin mempelawa staf yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Ombudsman.
3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan iklan jawatan tersebut untuk rujukan YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Profesor/ Tuan/ Puan. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 November 2024 (Rabu)**.
4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Cik Hazwani Binti Abdul Karim Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, USM di talian 04-653 6105 atau e-mel : [wani.karim@usm.my](mailto:wani.karim@usm.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

s.k Naib Canselor

Pendaftar



**IKLAN JAWATAN OMBUDSMAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**  
**(EDARAN DALAMAN USM)**

Staf USM adalah dipelawa untuk mengisi jawatan Ombudsman Universiti Sains Malaysia (USM).

Maklumat jawatan ini adalah seperti berikut :-

**1. Nama Jawatan**

Ombudsman

**2. Kumpulan Perkhidmatan**

Pengurusan Tertinggi

**3. Tempoh Lantikan**

Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU) USM.

**4. Imbuhan**

Imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan yang sedang dikuasa oleh USM.

**5. Fungsi dan Kuasa**

Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, tugas Ombudsman termasuklah:

- (a) Menjadi ketua Pejabat Ombudsman;
- (b) Menasihati Pihak Berkuasa Universiti berkaitan dengan perkara yang melibatkan apa jua aduan pekerja dan pelajar Universiti;
- (c) Mengawas dan menyelia aktiviti Pejabat Ombudsman;
- (d) Menasihati Pihak Berkuasa Universiti mengenai hal berkaitan dengan bidang kuasa dan prinsip Ombudsman;
- (e) Menyiasat sesuatu aduan dan memberikan pandangan bagi penyelesaian sesuatu aduan ke arah kebaikan Universiti;
- (f) Menambah baik sistem penyampaian aduan Universiti dengan mengamalkan prinsip teras Ombudsman iaitu neutraliti, kerahsiaan dan informaliti; dan
- (g) Menjalankan tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## **6. Prinsip dan Kod Etika**

- (a) Ombudsman Universiti Sains Malaysia mengamalkan prinsip dan amalan antarabangsa seperti yang disyorkan oleh Persatuan Ombudsman Antarabangsa (IOA), khususnya mengenai Piawaian Amalan dan Kod Etika Ombudsman.
- (b) Amalan ini memerlukan Ombudsman Universiti Sains Malaysia berfungsi dengan bebas, menjaga rahsia dan tidak memihak, serta pengendalian aduan dan penyelesaian pertikaian saksama kepada prinsip IOA dengan penuh berintegriti.

## **7. Cara Memohon**

Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan rasmi dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut :-

- (a) ‘Curriculum Vitae’ (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut :
  - (i) Latar belakang diri termasuk e-mel, alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi.
  - (ii) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang.
  - (iii) Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).
- (b) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik sebagai Ombudsman USM.
- (c) Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke pegawai dan alamat berikut :

**Hazwani binti Abdul Karim**

Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
Aras 4, Bangunan Canselor,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang.

Tel: 04-653 6105 / E-mel: wani.karim@usm.my

## **8. Tarikh Tutup**

Tarikh tutup permohonan jawatan ini adalah pada **27 November 2024 (Rabu)**.

## **9. Catatan Tambahan**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
  - (b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak ditanggung oleh USM.
  - (c) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
-